Jelajahi Asia Tenggara bersama StarCruises sehingga 1 Januari 2027.

Belayar dan Terokai Singapura, Malaysia dan Thailand dengan Kapal Persiaran Star Voyager.



25 September 2026 – 15 Januari 2027: Daripada bandar meriah dan pekan bersejarah hingga ke pulau yang terkenal dengan sajian tempatan, *Star Voyager* menghimpunkan kepelbagaian pengalaman di seluruh rantau ini dalam satu percutian pelayaran bermakna.

1 September 2026 (Singapura) – Satu pelayaran singkat, pelbagai destinasi menanti. **StarCruises** menawarkan cara yang lebih mudah untuk menerokai Asia Tenggara menerusi kapal persiaran **Star Voyager**, dengan pilihan pelayaran **2, 3 dan 4 malam** yang berlepas dari **Singapura, Kuala Lumpur dan Melaka**, dari **25 September 2026 hingga 1 Januari 2027**.

Setiap pelayaran menawarkan tarikan destinasi yang tersendiri, manakala pelayaran terpilih turut singgah di **Pulau Pinang, Langkawi, Pangkor, Phuket dan Krabi**. Ini memberi tetamu peluang untuk menerokai bandar-bandar menarik, menyelami kekayaan warisan budaya dan menikmati percutian di destinasi pulau — semuanya dalam satu perjalanan.

> *"Pelayaran merupakan cara mudah untuk menerokai Asia Tenggara, tanpa perlu meninggalkan keselesaan di atas kapal. Dengan pilihan pelayaran **Star Voyager** yang menghubungkan **Singapura, Malaysia dan Thailand**, tetamu mempunyai lebih banyak pilihan untuk merancang percutian mengikut masa dan minat mereka,"* kata **Michael Goh, Presiden, StarDream Cruises**.

Pilih Pelayaran Anda, Pilih Pengalaman Percutian Anda

Berlepas dari Singapura: Terokai Malaysia (25 September 2026 – 1 Januari 2027)

Singapura merupakan pilihan ideal untuk memulakan percutian pelayaran, dengan hubungan penerbangan antarabangsa yang baik. Pelancong dari luar negara boleh

menggabungkan **percutian di bandar** dengan pengalaman pelayaran ***Star Voyager***. Luangkan masa meneroka pelbagai tarikan, menikmati sajian dan mengenali kekayaan budaya Singapura sebelum meneruskan percutian di atas kapal dengan pilihan pelayaran **2, 3 dan 4 malam**.

Pelayaran 2 Malam	**Pelayaran 3 Malam**	**4 Night Cruises**
Di Lautan	Kuala Lumpur* - Penang	Langkawi – Pangkor - Kuala Lumpur^ *(Berlepas pada 26 Dis 2026)*
Pangkor	Pangkor - Penang	
Kuala Lumpur*		

***(melalui Port Klang atau Melaka) / ^(melalui Port Klang)**

Daripada **menyelami pesona sejarah di Melaka** dan meneroka kawasan warisan **Pulau Pinang yang disenaraikan sebagai UNESCO,** kepada **makanan jalanan yang terkenal, membeli-belah dan menjamu selera di Kuala Lumpur**, atau bersantai sambil menghayati **keindahan pulau Pangkor dan Langkawi**, setiap pelayaran menampilkan kepelbagaian destinasi dan tarikan Malaysia. Tetamu yang tiba di **Melaka** juga berpeluang menyertai lawatan pilihan ke **Kuala Lumpur,** sambil menikmati lebih banyak pengalaman menarik di Malaysia dalam satu percutian pelayaran.

Berlepas dari Malaysia: Terokai Lebih Banyak Destinasi Serantau (28 September 2026 – 29 Disember 2026)

Pelancong juga boleh memulakan pelayaran dari **Kuala Lumpur** atau **Melaka**, dengan pilihan pelayaran **2 dan 3 malam** ke **Pulau Pinang, Langkawi dan Pangkor**, serta pelayaran terpilih ke **Phuket dan Krabi, Thailand**. Di sini, tetamu boleh menikmati pantai yang mempesonakan, keindahan tropika serta pelbagai aktiviti dan pengembaraan di pulau.
Pelayaran terpilih turut singgah di **Singapura**, memberi peluang kepada pelancong untuk menikmati panorama ikonik kota, pengalaman membeli-belah bertaraf dunia, kepelbagaian sajian serta kekayaan budaya yang tersendiri.

Berlayar dari Kuala Lumpur [melalui Terminal Persiaran Kapal Port Klang (PKCT)]	
Pelayaran 2 Malam	**Pelayaran 3 Malam**
Krabi *(Berlepas pada 18 Dis 2026)*	Pulau Pinang – Singapura *(28 September 2026 hingga 9 Nov 2026)*
Phuket *(Berlepas pada 20 Dis 2026)*	Phuket-Krabi *(Berlepas pada 5, 8, 22 Dis 2026)*

Berlayar dari Melaka [melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS)]
Pelayaran 3 Malam
Pulau Pinang – Singapura *(Berlepas pada 19 Oktober & 16 November 2026)*

Pengalaman di atas kapal persiaran *Star Voyager* turut melengkapkan percutian. Sambil mengunjungi destinasi popular, tetamu boleh menikmati pelbagai pilihan di atas kapal seperti sajian, hiburan dan aktiviti riadah, selain meluangkan masa untuk bersantai – menjadikan setiap pelayaran gabungan sempurna antara meneroka destinasi baharu dan menikmati masa untuk berehat.

Dengan rangkaian itinerari dari **Singapura dan Malaysia**, *Star Voyager* menawarkan cara yang mudah dan selesa untuk menerokai destinasi menarik di Asia Tenggara, sambil menikmati segala kemudahan yang tersedia di atas kapal.

Untuk maklumat lanjut dan tempahan, layari www.StarDreamCruises.com atau hubungi ejen pelancongan pilihan anda. **Tempahan melalui laman web bagi pelayaran *Star Voyager* yang berlepas mulai 25 September 2026 akan dibuka pada 9 September 2026.**

StarDream Cruises: Peneraju Pelayaran Asia

Dilancarkan secara rasmi pada 26 Mac 2025, StarDream Cruises menggabungkan lebih tiga dekad pengalaman dalam industri pelayaran, memulakan era baharu pelayaran luar biasa merentasi Asia dan destinasi sekitarnya. Jenama ini menampilkan dua kategori utama, StarCruises dan Dream Cruises. Masing-masing menawarkan pengalaman unik yang mengekalkan legasi terdahulu sambil meningkatkan standard pelayaran bertaraf dunia di Asia.

StarCruises memberikan pengalaman pelayaran gaya hidup yang mampu milik kepada pasaran Asia melalui kapal bersaiz sederhana seperti Star Voyager dan Star Navigator, manakala Dream Cruises menawarkan pengalaman pelayaran mewah dengan kapal besar seperti Genting Dream yang ditempatkan di Singapura sepanjang tahun dan belayar ke pelbagai destinasi di Asia Tenggara.

Dengan pengalaman luas dalam hospitaliti dan pelayaran, StarDream Cruises komited untuk mendefinisikan semula pengalaman pelayaran bagi pelbagai segmen pasaran melalui tawaran yang disesuaikan mengikut keperluan demografik berbeza.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:-

(Mr) Ong Hsieh Lien
ong.hsiehlien@stardreamcruises.com

(Ms) Cherry Yip
cherry.yip@stardreamcruises.com

(Ms) Mandy Lam
mandy.lam@stardreamcruises.com